

UNTUK UCAPAN ALUAN DAN PERASMIAN

**WEBINAR IV&V: JAMINAN KUALITI SISTEM APLIKASI SEKTOR
AWAM MELALUI PELAKSANAAN IV&V**

OLEH

**PUAN HANISSULL JALIS BT MD YUSOF
PEMANGKU KETUA PERUNDING PEMBANGUNAN SISTEM**

ANJURAN

**PUSAT KECEMERLANGAN PENGUJIAN PERISIAN SEKTOR AWAM
(MYTCOE),
BAHAGIAN PERUNDINGAN ICT, MAMPU**

Tarikh : 8 Dis 2022 (Khamis)

Masa : 9.30 pagi – 12.00 tengahari

Tempat : Secara dalam talian

Bismillahir rahmanir rahim

Assalaamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam

Sejahtera

Yang Berusaha Dr., tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Pertamanya marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah inayah dan izinnya kita dapat berkumpul pada pagi ini secara dalam talian bagi **Webinar IV&V** yang bertemakan **Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Sektor Awam Melalui Pelaksanaan IV&V**.

2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada peserta – peserta daripada pelbagai agensi sektor awam atas kehadiran di dalam sesi ini. Saya dimaklumkan bahawa pada awalnya bilangan peserta yang dihadkan untuk webinar ini adalah seramai 100 orang. Namun, disebabkan permintaan yang amat menggalakkan, pihak urusetia telah menambah bilangan kuota peserta kepada 200 orang. Terima kasih kepada YBrs. Dr., tuan-tuan dan puan-puan atas komitmen yang diberikan dalam menjayakan webinar ini.

3. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada penceramah jemputan webinar kita pagi ini iaitu En. Sharif Ab. Majid daripada Custommedia Sdn. Bhd, Puan Anjana Devi daripada MIMOS Technology Solution Sdn. Bhd. dan En. Shahjerome Ambrose daripada Al Ain Testing Sdn. Bhd. Mereka ini merupakan pakar-pakar yang berpengalaman daripada syarikat pembekal perkhidmatan IV&V (*industry player*) yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan . Kami amat berbesar hati di atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan untuk berkongsi pengalaman kepada peserta berkenaan kepentingan IV&V dalam projek ICT sektor awam.

Objektif webinar

4. Webinar IV&V ini julung kali diadakan oleh MyTCoE. Tujuan webinar ini diadakan adalah untuk :
 - a) Memberi pendedahan kepada pegawai agensi sektor awam berkenaan pelaksanaan IV&V dalam projek ICT dan kepentingannya. Pegawai-pegawai berpeluang untuk mendengar sendiri perkongsian ilmu dari pakar-pakar industri dalam usaha meningkatkan pengetahuan dan kepakaran mereka.
 - b) Webinar ini juga merupakan satu platform kolaborasi strategik di antara sektor awam dan industri yang dapat mengukuhkan lagi ekosistem IV&V sektor awam.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pelaksanaan IV&V dalam projek pembangunan sistem Sektor Awam

5. IV&V mula dilaksanakan dalam projek ICT sektor awam mulai tahun 2017. Sepanjang 5 tahun pelaksanaan IV&V, beberapa projek ICT telah melaksanakan IV&V ini. Untuk makluman tuan/puan, MyTCoE telah melaksanakan Kajian Pelaksanaan IV&V pada tahun ini dan

sedang dalam peringkat penyediaan laporan kajian. Insya-Allah, hasil kajian akan dikongsikan kepada pegawai sektor awam pada tahun hadapan melalui medium-medium yang bersesuaian. Sehingga Ogos 2022, terdapat 14 syarikat tempatan yang berkelayakan untuk memberi perkhidmatan IV&V berdasarkan pensijilan ISO 17025 dalam bidang *Software Testing* atau *Test Maturity Model integration* (TMMi) tahap 3 dan ke atas. Daripada 14 syarikat tersebut, 4 syarikat telah berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **210111 – *Independent Verification & Validation***.

6. Walaupun pelaksanaan IV&V sektor awam masih agak baru dan banyak ruang yang berpotensi untuk ditambahbaik, tidak dinafikan pelaksanaan IV&V ini memberi impak terhadap kualiti sistem yang dibangunkan. Kerjasama daripada pihak industri, MAMPU, agensi sektor awam serta akademik sangat diperlukan dalam memperkukuhkan pelaksanaan IV&V sektor awam agar dapat memberi *Return of Investment* kepada Kerajaan dan sekaligus memangkin industri IV&V yang berpotensi menjana ekonomi di Malaysia.

7. Saya berharap tuan-tuan dan puan-puan seboleh-bolehnya menggunakan peluang ini untuk menimba ilmu dan meningkatkan kepakaran agar dapat memberi manfaat kepada kerajaan.

8. Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim” saya merasmikan pembukaan Webinar IV&V : Jaminan Kualiti Sistem Aplikasi Sektor Awam Melalui Pelaksanaan IV&V. Semoga webinar ini mencapai objektif sepertimana yang digariskan dan diteruskan pada tahun akan datang.

Sekian, terima kasih.